

# Perjumpaan dengan pemimpin luar serlah peranan aktif Malaysia

BERITA HARIAN

13 JUL 2025

M/S: 2

**Kuala Lumpur:** Siri kunjungan hormat daripada pembesar dari pelbagai negara dan Kesatuan Eropah menyerlahkan peranan aktif Malaysia dalam diplomasi dua hala dan pelbagai hala.

Perdana Menteri, Datuk Seri

Anwar Ibrahim, berkata Malaysia menerima kunjungan pembesar dari Australia, China, Pakistan, Turkiye, Palestin, Agensi Bantuan dan Kerja untuk Pelarian Palestin di Asia Barat (UNRWA), Kesatuan Eropah dan

United Kingdom, kelmarin.

“Pertemuan ini membuka ruang kerjasama baharu dalam perdagangan, pendidikan, teknologi, kemanusiaan dan keamanan serantau yang mencerminkan komitmen Malaysia se-

bagai rakan yang berprinsip dan dipercayai di pentas antarabangsa,” katanya menerusi hantaran di laman X, semalam.

Kelmarin, Anwar mengadakan beberapa pertemuan dua hala bersama pemimpin dan wakil

kanan dari tujuh negara serta entiti antarabangsa di sela Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN (AMM) Ke-58 dan mesyuarat berkaitan di Pejabat Perdana Menteri di Putrajaya.

BERNAMA